



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI VETERINAR DAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN TAHUN 2023

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

24 HINGGA 27 OGOS 2023

DI LAMAN TERNAKAN, MAEPS, SERDANG

PUTRAJAYA, 26 Ogos - Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena Sambutan Hari Veterinar dan Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2023 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang diadakan di Laman Ternakan, MAEPS, Serdang bermula 24 hingga 27 Ogos 2023. Antaranya pameran lembu sado, pameran dan jualan pelbagai jenis baka kambing, Meow Fiesta (Pertandingan Kucing Cantik), jualan produk berasaskan ternakan, Klinik Veterinar dan banyak lagi.

Bersesuaian dengan tema sambutan Hari Veterinar pada tahun ini iaitu "*Promoting Diversity, Equity, and Inclusiveness in the Veterinary Profession*" yang menumpukan kepada pengiktirafan usaha dan sumbangan para Veterinawan ke arah meningkatkan kesejahteraan profesion veterinar melalui kepelbagaian aktiviti bidang veterinar yang semakin mencabar selain mengawal penyakit zoonotik dan rentas sempadan meliputi keselamatan haiwan.

Manakala Sambutan Hari Kebajikan Haiwan pula diadakan bagi tujuan memberi kesedaran awam kepada masyarakat di Malaysia berhubung tanggungjawab, ihsan, kasih sayang dan keprihatinan kepada haiwan.

Dalam hal berkaitan keselamatan makanan berasaskan ternakan, DVS bertanggungjawab menilai tahap keselamatan makanan terutama yang diimport agar bebas dari penyakit dan selamat dimakan.

DVS mengambil maklum mengenai isu penemuan tanda-tanda jangkitan *Lumpy Skin Disease* (LSD) oleh pihak berkuasa Indonesia pada lembu yang diimport oleh negara itu dari Australia. Untuk memastikan sektor ternakan dalam negara terjamin bebas daripada sebarang risiko penyakit ini, DVS sentiasa memastikan semua pengimportan ternakan hidup adalah mengikut protokol dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tindakan penggantungan bersifat sementara telah diambil sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya dakwaan pihak berkuasa Indonesia itu benar, memandangkan Malaysia turut mengimport lembu dan kerbau dari Australia. Namun begitu, pengimportan daging lembu dari Australia masih dibenarkan.

KPKM dan DVS akan terus mengadakan libat urus bersama pemain industri yang berperanan penting dalam rantai pengeluaran bekalan makanan berasaskan ternakan agar kekal terjamin dan memastikan kejadian penyakit haiwan ternakan dalam negara terkawal.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
26 OGOS 2023**